

KONGSI CABARAN GENGGAM IJAZAH

Valediktorian gagahi pelbagai dugaan; semarak semangat rakan siswa

USAH tawar hati meskipun berdepan dengan pelbagai rintangan hidup yang mencabar.

Ini merupakan antara intipati ucapan Cik Sabrina Mohamed Nezam Meah apabila berucap di hadapan kohortnya selaku seorang valediktorian di Majlis Konvokesyen Universiti Nasional Singapura (NUS) pada 13 Julai lalu.

Anak sulung dua beradik berusia 24 tahun ini berkata meskipun dalam sekitaran pasaran pekerjaan yang tidak menentu sekarang, Cik Sabrina mendorong siswazah lain yang menerima ijazah mereka pada hari itu, agar tidak berputus asa.

“Sebagai siswazah yang padat dengan daya kreativiti serta memiliki potensi yang luas, sebenarnya kita mampu memikirkan cara-cara baru untuk mengubah dunia.

“Dengan mengenggam segulung ijazah, kita juga perlu senantiasa ingat agar kekal rendah hati dan bersyukur atas setiap peluang yang diberikan. Usah tawar hati dengan rintangan dan kesukaran yang datang bergolek.

“Kita sudah jauh menjelajah dalam kembara pendidikan kita dan kita mampu melakukan apa sahaja jika kita tetapkan minda untuk melakukannya,” kongsi Cik Sabrina, dalam ucapannya itu.

Cik Sabrina telah menamatkan pengajiannya di Universiti Nasional Singapura (NUS) dengan Ijazah Sarjana Muda dalam Sains Kemasyarakatan (Perhubungan dan Media Baru) dengan Kepujian Tertinggi. Beliau juga meraih ‘minor’ dalam Pembelajaran India.

Seperti apa yang diungkap dalam ucapannya, Cik Sabrina – anak kepada usahawan dan suri rumah – juga pernah berdepan dengan pelbagai cabaran dan dugaan sepanjang kembara pendidikannya.

Di Maktab Rendah Anglo-Chinese (ACJC), Cik Sabrina perlu mengikuti pengajian selama tiga tahun kerana membuat pemindahan daripada aliran sains ke sastera.

Semasa di universiti, anak muda ini hampir mahu mengundurkan diri daripada NUS selepas menerima tawaran menjadi pramugari daripada sebuah syarikat penerbangan ternama.

Pada tahun pertama di NUS juga apabila beliau mengikuti modul bagi kursus pilihannya, Sains Politik, Cik Sabrina mendapati pembelajarannya tidak sehati dengan jiwanya.

Namun siapa sangka, keputusannya berpindah ke bidang Perhubungan dan Media Baru merupakan sesuatu yang membuahkan hasil.

Nama beliau disenaraikan dalam senarai dekan atas kelakonan baik akademik bagi tahun 2017/18.

Beliau juga merupakan pemenang bagi kategori Pelajar Perhubungan Awam (PR) Cemerlang semasa Anugerah Prism 2019.

Anugerah tersebut yang diperkenalkan Institut Perhubungan Awam Singapura (IPRS) bertujuan menggalak dan mengiktiraf pertubuhan dan individu bagi kecemerlangan mereka dalam perhubungan awam.

Semasa di NUS juga, Cik Sabrina merupakan Juara Kelas Fakulti dan Duta Jabatan Perhubungan dan Media Baru.



Bagi projek tahun akhirnya, anak muda ini telah menulis tesis bagaimana aplikasi seperti WhatsApp dan berita palsu memberi kesan kepada mereka yang dilahirkan pascaperang dunia kedua (*baby boomers*) iaitu antara 1946 dengan 1965
“Kajian ini meninjau tentang motivasi di sebalik penyebaran maklumat tidak tepat dalam kalangan golongan usia ini.

“Profesor saya, Profesor Elmie Nekmat, juga banyak membantu,” katanya yang meraih grad A- bagi tesis tersebut.

Ditanya tentang rancangan masa depannya, Cik Sabrina positif tentang peluang pekerjaan yang ada meskipun dalam keadaan ekonomi sekarang.

“Sebenarnya saya sudah pun

mendapatkan tawaran bekerja dalam sektor pemerintah tetapi itu bukan sesuatu yang saya inginkan.

“Jika boleh, saya ingin bekerja sebagai perunding pengurusan. Buat masa ini saya telah mempersiapkan diri untuk temuramah bagi jawatan tersebut, dan saya positif terhadap pasaran pekerjaan dalam sektor ini walaupun dalam ekonomi tidak menentu sekarang,” ujarnya.

MOTIVASI JAYA: Sabrina (*tengah*), yang bergambar bersama ibunya, Cik Sheila Abdullah dan bapa Encik Mohamed Nezam Meah, turut melalui pelbagai cabaran sebelum meraih ijazah Sarjana Muda dalam Sains Sosial (Perhubungan dan Media Baru) dengan Kepujian Tertinggi. – Foto BH oleh TIMOTHY DAVID